

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NEGARA



PENGARUH rakan antara faktor ramai mula menggunakan vape.

Perokok tegar jatuh sakit selepas cuba vape pod

ALOR SETAR – Seorang perokok tegar mengakui penggunaan vape jenis pod memberi kesan buruk kepada kesihatannya dalam tempoh singkat.

Menurut Shahril, 33, dia mula menghisap rokok konvensional sejak sekolah menengah dan cuba beralih kepada vape jenis ini semula pada 2013.

"Pada masa itu, saya cuba hisap vape kerana mahu berhenti merokok selain ada yang mendakwa ia lebih selamat."

"Namun, malangnya tanggapan itu meleset sama sekali kerana saya tidak berjaya berhenti merokok, malah lebih teruk apabila ambil kedua-duanya sekali," katanya di sini baru-baru ini.

Jelasnya, pada tahun lalu, dia mula beralih kepada vape pod jenis pakai buang yang kini menjadi pilihan ramai anak muda kerana didatangkan dalam saiz yang kecil dan murah.

"Paling murah, vape pod boleh didapati pada harga serendah RM20 seunit yang memberikan antara 6,000 dan 7,500 sedutan."

"Ia bagaikan fenomena ketika ini dan saya turut mencuba, namun malangnya ia memberi kesan buruk kepada kesihatan apabila saya sering sakit tekan dan rasa ketidaknyamanan," ujarnya.

Bagi Shahril, kesan vape

pod dilihat lebih cepat berbanding rokok, menyebabkan dia membuat keputusan berhenti mengambilnya.

"Akhirnya saya sedar bahawa ramai termasuk saya yang dimomokkan konyonnya vape ini boleh membantu menghilangkan ketagihan rokok, sebaliknya ia semula pada 2013.

"Disebabkan tanggapan salah itu, penagih vape ini dilihat seperti tidak rasa bersalah menghisapnya di tempat awam serta tempat tertutup seperti di dalam kereta dan pejabat," ujarnya.

Seorang lagi penagih vape, Zakhrlul, 38, berkata, dia bukanlah seorang perokok, namun mengambil vape kerana sukacita.

"Mungkin lebih kepada ikut kawan atau mahu nampak bergaya, namun akhirnya saya menjalani ketagihan."

"Bila dah cuba, saya bagaimanapun terperangkap kerana sukar untuk berhenti dan terpaksa bergantung kepada vape setiap hari," katanya.

Zakhrlul menambah, dia melihat sudah ramai anak muda termasuk pelajar sekolah yang menghisap vape pod hanya kerana mahu bergaya.

"Antara faktor vape pod ini jadi pilihan kerana ia didatangkan dalam bentuk menarik, kecil, murah dan mudah diperoleh," ujarnya.

Salah tanggap vape tidak bahaya berbanding rokok

Paru-paru bocor akibat ketagihan vape

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

ALOR SETAR – Lebih ramai orang muda terutama pelajar sekolah bakal mengalami masalah kesihatan, termasuk kebocoran pada paru-paru akibat ketagihan rokok elektronik atau vape.

Malah, risiko sama turut dihadapi orang sekelliling yang terhad wap peranti tersebut.

Kedaudaa itu sama seperti kesan dalamai perokok pasif akibat terhadu asap rokok konvensional.

Pakar Perubatan Dalamandan Respiratori Kedah Medical Centre (KMC), Dr. Razul Md. Nazri berkata, gejala pengambilan vape dalam kalangan orang muda, malah kanan-kanan dilihat membimbangkan.

"Kebanyakannya ambil sebab gaya hidup dan akhirnya terjejak masalah ketagihan kerana kandungan nikotin di dalam vape."

"Bila ketagih, ia bergantung kepada diri seseorang itu untuk berhenti. Ketagihan vape ini sama sahaja dengan ketagihan rokok biasa," katanya ketika ditemui di KMC di sini, baru-baru ini.

Kata beliau, wujud keimbangan apabila, ramai yang salah tanggapan konyonnya vape tidak berbahaya berbanding rokok.

"Tanggapan itu salah sama sekali kerana risiko untuk mengalami ketagihan juga adalah tinggi kerana kandungan nikotin dalam vape. Kita bimbang, tanggapan salah ini akan menyebabkan lebih ramai menghisap vape kerana konyonnya ia tidak berbahaya, seterusnya menjadi ketagih," ujarnya.

Katanya, disebabkan salah tanggapan itu, ramai pengguna dilihat menggunakan vape di tempat tertutup termasuk dalam kereta dan restoran.

"Cecair vape juga didatangkan dengan pelbagai perisa dan bau



RAZUL

yang mana ia tidak mengganggu orang sekelliling seperti rokok, namun sebenarnya ia sangat berbahaya," katanya.

Menurutnya, ketagihan berlaku apabila pengguna terpaksa bergantung kepada vape untuk menjalani kehidupan harian sebaliknya mengaitkannya dengan aktiviti lain.

"Sebagai contoh, selepas makan atau bila mahu ke tandas, perlu ambil vape. Itu sudah mencapai tahap ketagihan," jelasnya.

Beliau turut menolak dakaawan konyonnya vape sesuai digunakan untuk perokok yang mahu berhenti merokok.

"Ia salah sama sekali kerana kebanyakannya penagih akan menggunakan kedua-duanya iaitu vape dan rokok, menyebabkan jumlah nikotin diambil menjadi lebih tinggi," katanya.

Jelas Dr. Razul, penagih vape berisiko mengalami masalah kesihatan seperti batuk, asma dan lebih teruk, paru-paru bocor sehingga perlu menjalani pembedahan bagi memasukkan tiub untuk mengeluarkan angin berlebihan.

"Kini vape dijual di merata tempat jadi sukar untuk kita ketahui dan kenal pasti kandungan sebenar dalam alat tersebut.

"Sebenarnya, vape juga mengandungi bahan kimia sebagai pembakar yang boleh mengundang risiko kanser," katanya.

Jelasnya, dalam sesetengah kes, vape memberikan trauma kepada paru-paru dengan lebih cepat.

"Ada sesetengah yang menerima akibat secara tiba-tiba sehingga terpaksa mendapatkan rawatan doktor, malah ia boleh meragut nyawa," katanya.

Tambahnya, pengguna vape berdepan penyakit kecederaan paru-paru yang dikenali sebagai E-cigarette Or Vaping Product Use-Associated Lung Injury (Evalu), sekali gus berisiko mengalami kecatastan kekal pernafasan dan kematian.

"Mereka terutama yang mempunyai penyakit kronik berisiko mengalami kecederaan paru-paru dan boleh membawa maut," tambahnya.

Kosmo! pada Oktober tahun lalu melaporkan jutaan pengguna vape di Malaysia berdepan penyakit Evalu.

Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) tahun 2019 menunjukkan terdapat kira-kira 1.1 juta pengguna rokok elektronik atau vape di Malaysia dan jumlahnya semakin bertambah hingga memerlukan kejadian penyakit Evalu perlu dipantau.

Penyakit Evalu mula didiagnosis pada tahun 2019 di Amerika Syarikat apabila sebanyak 2,800 kes kecederaan paru-paru dan 68 kematian dilaporkan.



RAZUL menunjukkan gambar X-ray paru-paru yang cedera akibat penggunaan vape.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 25

RUANGAN : NEGERI

Isu pesakit Hospital Bentong ke Parlimen

BENTONG - Isu pesakit di Hospital Bentong yang terpaksa menunggu lama sehingga ada yang pulang tanpa menerima rawatan mendapat perhatian Ahli Parlimen Bentong, Young Syefura Othman.

"Saya ambil maklum mengenai keadaan di Hospital Bentong apabila pesakit terpaksa menunggu lama sehingga ada yang pulang tanpa mendapatkan rawatan.

"Saya telah membangkitkan perkara ini dalam ucapan perbahasan titah diraja dan telah mendapat respons daripada Menteri Kesihatan dalam ucapan penggulungan beliau," katanya dalam kenyataan pada Ahad.

Ujar beliau, KKM telah mengetahui pasti aliran peningkatan kehadiran pesakit di Jabatan Kecemasan dan



YOUNG SYEFURA

Trauma.

Tambah Young Syefura, satu faktor adalah kesan daripada pandemik Covid-19 iaitu kes-kes seperti penyakit tidak berjangkit dan komplikasinya semakin meningkat.

"Walaupun perkerja kesihatan utamanya doktor di Hospital Bentong telah bertambah, namun ia masih tidak mencukupi.

"Faktor lain ialah waktu perkhidmatan klinik-klinik swasta tamat seawal jam 5 petang, jadi pesakit tiada tempat lain untuk mendapatkan rawatan selain Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Bentong," jelas beliau.

Tambahnya, KKM akan menambah sebanyak 1,500 jawatan baharu melalui jawapan lisan Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa.